

**Wiranita Perkasa Perlu Ambil Peluang Martabatkan Wanita - Rosmah
Bernama
19 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Wiranita Pertubuhan Peribumi Perkasa Malaysia (Wiranita Perkasa) disaran menggunakan platform sedia ada sebagai badan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu memartabatkan kedudukan serta memperjuangkan isu wanita untuk kebaikan semua.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor berkata ini kerana peranan wanita kini lebih mencabar dalam memangkin usaha memacu kemakmuran dan kesejahteraan negara.

"Platform ini perlu diguna bertujuan memastikan perjuangan wanita dalam memperkasakan bangsa dan negara akan sentiasa relevan sepanjang masa,"katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Amal Wiranita Perkasa di sini.

Rosmah juga berkata penglibatan wanita dalam aktiviti NGO juga semakin meningkat selaras keaktifan dan kelantangan mereka memperjuangkan isu membabitkan kaum hawa seperti krisis keluarga serta keganasan terhadap wanita.

Beliau berkata perjuangan NGO serta persatuan wanita tidak boleh dikesampingkan kerana telah terbukti peranannya dalam menyumbang ke arah pembentukan dan pemantapan sesebuah masyarakat secara keseluruhan.

"Kajian menunjukkan apabila wanita disokong dan diperkasakan, mereka boleh menjadi ejen perubahan yang ampuh dan memberi banyak faedah kepada masyarakat," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=646521>